

‘Keputusan saya sendiri’

Latheefa akui tiada tekanan, rancang jadi peguam hak asasi manusia

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Latheefa Koya merancang untuk kembali menjadi peguam hak asasi manusia selepas meletakkan jawatan sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau menegaskan keputusan meletak jawatan adalah pilihan sendiri tanpa tekanan daripada mana-mana pihak.

Katanya, spekulasi mendakwa beliau ditekan supaya meletakkan jawatan sebagai tidak berasas.

“Ia adalah keputusan saya sendiri. Spekulasi yang mengatakan saya ditekan untuk berbuat demikian adalah tidak berasas.

“Niat saya adalah untuk kembali menjalankan praktis sebagai peguam hak asasi,” katanya dalam kenyataan semalam.

Latheefa menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Isnin lalu.

Bagaimanapun perkara itu tertakluk kepada kelulusan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Pada masa sama, Latheefa berkata, pihaknya juga menemui Perdana Menteri kelmarin bagi memberi penjelasan berhubung keputusannya untuk meletak-



Latheefa ketika menemui Perdana Menteri di Putrajaya, baru-baru ini.

(Foto ihsan SPRM)

kan jawatan.

“Kami mengadakan perbincangan yang sangat mesra dan beliau faham kedudukan saya.

“Saya juga menjelaskan kepada Perdana Menteri berhubung usaha dan tindakan yang sedang dilaksanakan untuk memulangkan semula wang IMDB (1Malaysia Development Berhad) di luar negara, beliau sangat menyokong penuh usaha ini,” katanya.

Latheefaya, beliau turut mengambil peluang melalui pertemuan itu bagi mendoakan kejayaan buat Muhyiddin dan kerajaan baharu dalam usaha menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat.

Beliau juga sudah menemui dan memberi taklimat kepada timbalannya, Datuk Seri Azam Baki serta ketua jabatan SPRM untuk memastikan penyerahan tugas dapat dilaksanakan secara teratur.

“SPRM akan melaksanakan tugas seperti biasa di bawah barisan pegawai saya yang berkebolehan.

“Saya melepaskan jawatan dengan penuh keyakinan bahawa SPRM akan terus berusaha tanpa lemah dan tanpa kompromi dalam perjuangan menentang rasuah, tanpa mengira kedudukan atau pesalah politik.

“Saya juga berterima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun

Dr Mahathir Mohamad, rakan di SPRM dan rakyat untuk sokongan yang saya terima sepanjang berkhidmat,” katanya.

Latheefa dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM berkuat kuasa 1 Jun tahun lalu, bagi tempoh kontrak selama dua tahun.

Beliau menggantikan Datuk Seri Mohd Shukri Abdull yang memohon kontraknya dipendekkan daripada yang sepatutnya pada 17 Mei 2020.

Pelantikan Latheefa bagaimanapun mengundang kritikan, antara lain dikatakan bercanggah dengan manifesto Pakatan Harapan (PH) mengenai lantikan politik dan menjejaskan fungsi SPRM sebagai badan bebas.